



# ELAK TERJERAT

Fahami terma, syarat sebelum buat keputusan

Oleh Alzahrin Alias  
zahrin@bharian.com.my

**M**INGGU lalu, kita mempelajari soal terma dan syarat yang dikenakan sebelum menggunakan kad kredit. Kali ini kita akan pula terma dan syarat yang dikenakan terhadap pemilik kad kredit.

#### Kemudahan pindahan baki

Pemindahan baki membolehkan pemegang kad kredit memindahkan semua atau sebahagian daripada baki kad kredit dari satu bank ke bank lain untuk tujuan menjimatkan caj faedah.

Biasanya, bank akan menawarkan kemudahan ini pada kadar promosi untuk menggalakkan anda memindahkan baki kad kredit kepada mereka. Ini mungkin cadangan yang baik kerana anda dapat menjimatkan kos faedah.

Bagaimanapun, sebelum memutuskan pemindahan baki, tanya diri anda soalan berikut:

- Berapa lamakah kadar promosi ini ditawarkan?
- Apakah kadar efektif selepas tamat tempoh kadar promosi itu?
- Adakah kadar promosi ini juga untuk pembelian baru?
- Adakah anda akan dikenakan yuran pemindahan baki?
- Adakah anda akan dikenakan yuran pembatalan atau penyelesaian awal?

Walaupun ini mungkin strategi yang baik untuk mengurangkan caj faedah ke atas baki kad kredit yang belum dibayar, anda perlu meneliti terma dan syarat kemudahan seperti ini.

Contohnya, ada syarat yang mengatakan anda hanya boleh membuat bayaran minimum lima peratus ke atas jumlah yang dipindahkan sewaktu tempoh promosi dan anda



dilarang membayar lebih atau melangsaikan sepenuhnya. Selain itu, mungkin ada tempoh lock-in yang melarang anda memindahkan baki ke bank lain tanpa membayar penalti terlebih dulu.

Sekiranya anda tidak berhati-hati, anda mungkin berbelanja melebihi kemampuan dengan menggunakan kad yang sudah dipindahkan bakinya jika anda tidak berhemat dalam mengurus perbelanjaan anda.

Anda juga perlu mematuhi jumlah dan jadual pembayaran yang sudah dipersetujui. Jika anda gagal membuat bayaran, kadar promosi akan bertukar kepada kadar biasa atau 17.5 peratus serta caj bayaran lewat dan penalti yang lain.

Syarat di atas juga merangkumi skim bayaran ansuran fleksibel yang ditawarkan.

#### Skim bayaran fleksibel/skim tanpa faedah

Kemudahan ditawarkan oleh pengeluar kad kredit dan peniaga terpilih di mana pemegang kad boleh membayar pembelian secara ansuran antara tiga hingga 24 bulan tanpa faedah bergantung kepada had kredit pemegang kad.

#### Liabiliti pemegang kad sampingan


Pemegang kad utama akan dipertanggungjawabkan untuk menanggung semua pembayaran ke atas pembelian yang dibuat oleh pemegang kad sampingan.

Bagaimanapun, kebanyakan pengeluar kad kredit memerlukan pemegang kad sampingan menanggung liabiliti secara bersama dan berasingan terhadap hutang pemegang kad utama dan pemegang kad sampingan yang lain.

#### INFO

#### Panduan lindungi kad kredit

- Tandatangan kad kredit sebaik menerimanya
- Jangan biarkan orang lain menggunakan kad kredit anda
- Jangan dedahkan butiran kad kepada pihak yang tidak dikenali kerana mereka boleh menggunakannya untuk membuat pembelian melalui talian seperti telefon, mel dan internet
- Pastikan anda memotong kad kredit yang sudah tamat tempohnya selepas menerima kad gantian bagi mencegah pengklonan atau penyalahgunaan
- Periksa semua butiran pada slip pembayaran sebelum menandatangani atau mengesahkan setiap urus niaga
- Simpan semua slip pembayaran dan semak penyata
- Simpan kad kredit di tempat yang sama di dalam dompet atau tangan supaya anda tahu serta-merta jika kad hilang atau dicuri
- Laporkan segera kepada pihak pengeluar kad kredit sekiranya kad kredit anda hilang, dicuri atau ada urus niaga yang tidak sah. Jika tidak melaporkannya, anda bertanggungjawab ke atas semua urus niaga berkenaan sehingga aduan dibuat



Info

ANDA menghadapi masalah kewangan dan ingin mendapatkan nasihat AKPK melalui kolum Bajet Bijak? Sila hantar kemusykilan anda melalui e-mel ke alamat [bminggu@bharian.com.my](mailto:bminggu@bharian.com.my) untuk diteliti dan dianalisa kaunselor AKPK. Ulasan AKPK serta soalan anda akan disiarkan di kolum Bajet Bijak.